

30/09/2003

Perketat pengurusan kewangan elak ditipu

KES pemalsuan cek membabitkan kerajaan negeri kini semakin serius kerana ia bukan saja membabitkan Pulau Pinang, malah sekurang-kurangnya tiga negeri lain iaitu Perlis, Perak dan Negeri Sembilan, selain Universiti Sains Malaysia. Kejadian seperti itu bukan saja merugikan negara dan pihak bank, malah boleh menjejaskan imej kerajaan khususnya dalam pengurusan kewangan. Walaupun ia kes jenayah yang dipercayai dilakukan sindiket terancang, kerajaan negeri terpaksa bertanggungjawab kerana wang berkenaan adalah di bawah pengawasan mereka. Kehilangan wang berjumlah lebih RM3 juta bukanlah perkara kecil dan siasatan segera perlu dibuat bagi mencari dalang di sebaliknya.

Sememangnya, kecanggihan teknologi boleh memudaratkan jika ia digunakan untuk tujuan yang salah. Tindakan mengklon cek kerajaan negeri itu menunjukkan teknologi canggih begitu mudah disalahgunakan. Oleh itu, semua pihak sama ada kakitangan kerajaan, swasta atau pihak bank perlu lebih berhati-hati bagi memastikan mereka tidak terperangkap dengan penipuan seperti itu. Kerajaan negeri juga perlu memperkenalkan sistem pengawasan kewangan yang lebih ketat bagi mengelakkan kejadian sama berulang. Jika cek yang mempunyai pelbagai ciri keselamatan boleh ditipu, tidak ada sebab mereka tidak boleh memalsukan dokumen lain yang ciri keselamatannya tidak secanggih mana.

Sehubungan itu, arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, supaya agensi, syarikat dan badan berkanun kerajaan serta kerajaan negeri memperbetulkan sistem pengurusan kewangan masing-masing bagi mengelak penipuan, penyelewengan dan salah guna wang kerajaan, sewajarnya diberi perhatian serius oleh pihak berkenaan. Setiap wang yang dibelanjakan kerajaan adalah daripada rakyat dan kegagalan menguruskannya dengan baik bermakna mengabaikan amanah rakyat. Sewajarnya semua pihak mempunyai sistem laporan kewangan yang sistematik supaya setiap urusan kewangan dapat direkodkan, diperiksa dan disahkan ketulenannya.

Mungkin penipuan berkenaan membabitkan sindiket yang didalangi orang tertentu, tetapi kita tidak boleh menolak kemungkinan `orang dalam' juga turut terbabit. Memang sukar untuk dipercayai sejumlah wang yang besar dapat dikeluarkan daripada akaun kerajaan negeri tanpa diketahui orang lain, termasuk pegawai bertugas, tetapi semua itu boleh berlaku disebabkan oleh kelalaian dan kecuaiian. Oleh itu, kita berharap pihak polis dapat menjalankan siasatan rapi terhadap kes pemalsuan cek itu kerana ia mungkin membabitkan banyak lagi mangsa, bukan saja kerajaan negeri malah agensi atau syarikat milik kerajaan yang lain.